

02/08/1999

Deklarasi perlu terima hakikat

Faiza Zainudin

KAKITANGAN akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terbabit dalam membuat Deklarasi Bangi perlu menerima hakikat bahawa pencapaian pelajar Melayu jauh ketinggalan berbanding kaum lain di negara ini.

Sehubungan itu mereka harus memikul tanggungjawab untuk memastikan pelajar Melayu di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sedar akan kelemahan dan bangkit membuktikan mereka mampu menangkis tanggapan negatif terhadap mereka.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai sikap pelajar Melayu itu adalah ikhlas bertujuan membina bangsa dan bukannya menghina pelajar Melayu.

Beliau berkata, tindakan 150 tenaga akademik UKM yang mengadakan perhimpunan khas dan mengeluarkan deklaras mengecam kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad yang menegur sikap pelajar Melayu membuktikan ketidakmatangan mereka.

Katanya, sepatutnya mereka bersikap terbuka dan menyifatkan kenyataan Perdana Menteri itu sebagai teguran seorang bapa kepada anak yang mahukan anaknya berjaya dalam pelajaran, bukan menghina atau bertujuan serong.

"Adalah menjadi tanggungjawab seorang bapa menegur anaknya jika didapati anak itu lalai atau malas dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pelajar.

"Walaupun begitu, kritikan membina Dr Mahathir itu juga benar dan GPMS mempunyai bukti statistik menunjukkan pencapaian pelajar kita jauh ketinggalan berbanding pelajar bukan Melayu.

"Selain itu, kita juga boleh melihat pencapaian pelajar Melayu yang kurang memberangsangkan terutama menerusi majlis konvokesyen di IPTA yang rata-rata diraih oleh kaum bukan Melayu.

"Jika ada pelajar Melayu yang cemerlang, jumlahnya tidak ramai dan boleh dikira dengan jari berbanding jumlah keseluruhan mereka.

"Oleh itu, mereka patut menerima hakikat bahawa memang benar pelajar kita jauh ketinggalan dalam apa jua bidang dan teguran Dr Mahathir itu sebagai satu cabaran untuk mereka berusaha lebih gigih dalam mengubah tanggapan itu kelak.

"Tidak guna kita menyembunyikan kelemahan atau memuji melambung pelajar kita, jika hakikat sebenarnya pelajar Melayu masih belum sampai ke tahap yang boleh dibanggakan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan 150 tenaga akademik UKM yang mengadakan perhimpunan khas dan mengeluarkan Deklarasi Bangi mengecam kenyataan Perdana Menteri yang dikatakan membuat tohmahan mengenai prestasi pelajar Melayu.

Antara lain Berita Minggu semalam melaporkan, Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Anuar Ali berkata, pihaknya akan menyiasat kesahihan Deklarasi Bangi serta pembabitan tenaga pengajarnya seperti yang dilaporkan akhbar Harakah.

Bagaimanapun Suhaimi berpendapat, deklarasasi itu bukanlah pandangan menyeluruh tenaga akademik UKM kerana hanya segelintir yang terbabit dalam membuat deklarasasi itu.

"Pensyarah yang ada kredibiliti dan tahu tanggungjawab mereka, sudah tentu tidak akan membiarkan dirinya dipengaruhi oleh pihak tertentu.

"Deklarasi ini menggambarkan sikap penentangan mereka dan boleh mempengaruhi pelajar, ini adalah proses yang bahaya dan harus dikawal

sebelum ia berleluasa," katanya.

Beliau berkata pensyarah adalah golongan yang dihormati, tetapi apa yang mereka lakukan itu menjejaskan imej profesion itu sendiri.

(END)